

## **PENGIJAZAHAN KITAB AL-ARBA'IN AL-NAAWI: KAJIAN DI TIRMIDHI CENTRE, SERI KEMBANGAN, SELANGOR**

MOHAMAD MUSTAQIM BIN MOHD NOH  
 FARHAH ZAIDAR MOHAMED RAMLI  
 SITI MURSYIDAH MOHD ZIN  
*farhahzaidar@kuis.edu.my*  
 Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### **ABSTRAK**

*Kegiatan pengijazahan salasilah sanad kitab yang bersambungan sehingga sampai kepada para pengarang kitab-kitab hadis masih lagi berlangsung sehingga kini. Pendekatan ini merupakan satu konsep yang aplikasinya signifikan dengan pengajian hadis iaitu dalam konteks riwayat dan sanad. Kesedaran untuk mengekalkan tradisi pengijazahan kitab hadis ini cuba dilestarikan oleh sebuah pertubuhan dakwah Islamiah yang dikenali sebagai Tirmidhi Centre yang terletak di Seri Kembangan, Selangor. Artikel ini bertujuan untuk mendedahkan salasilah sanad kitab al-Arba'in al-Nawawi sebagaimana yang diijazahkan di Tirmidhi Centre. Data-data kajian dikumpul menerusi metode temubual dan analisis dokumen kutipan lapangan. Dapatkan kajian dihuraikan secara deskriptif. Dapatkan menunjukkan salasilah sanad kitab tersebut adalah dimiliki oleh pengasas Tirmidhi Centre, Ustaz Adlan Abd Aziz. Ia terdiri daripada 18 orang perawi iaitu sehingga sanad tersebut sampai kepada pengarang asal kitab Arba'in al-Nawawi. Tujuan utama Tirmidhi Centre mengaplikasikan pengijazahan sanad kitab seumpama ini adalah untuk meneladani dan mengekalkan tradisi keilmuan Islam silam.*

**Kata kunci:** ijazah, al-Arba'in al-Nawawi, Tirmidhi Centre, Adlan Abd. Aziz, Selangor.

### **1.0 PENGENALAN**

Tirmidhi Centre merupakan sebuah pusat pengajian ilmu agama yang terletak di No. 1 Jalan KP 2/17, Kota Perdana, Bandar Putra Permai, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan. Ia merupakan pusat pengajian gabungan ilmuan agama untuk menyebar ilmu dan kefahaman agama kepada masyarakat yang diadakan secara percuma, ilmiah dan fleksibel.

Tirmidhi Centre adalah sebuah pertubuhan dakwah Islamiah yang mempromosikan pengajian ilmu Islam bersifat ilmiah, mampu hadir iaitu secara percuma dan sesuai untuk seluruh peringkat masyarakat awam Muslim. Tirmidhi Centre juga dalam usaha membantu menyampaikan akses maklumat Islam yang sahih kepada setiap individu Muslim yang ingin mendalami ilmu agama Islam. Penjagaan tradisi ilmu seperti diwariskan oleh para ulama sejak zaman berzaman yang menjadi tunjang wawasan Tirmidhi Centre dalam mengekalkan kesahihan ilmu agama Islam terutamanya dalam bidang hadis.

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut hasil temubual bersama Presiden Tirmidhi Centre, Ustaz Adlan Abd Aziz (2019) menyatakan bahawa pada dasarnya, Tirmidhi Centre adalah salah sebuah pusat pengajian yang menawarkan pengajian kesemua bidang ilmu agama Islam seperti akidah, fiqah, tasawwuf dan terutamanya memfokuskan dalam bidang hadis. Tirmidhi Centre juga mempunyai perpustakaan percuma secara wakaf sesiapa sahaja dibenarkan membuat rujukan selama tempoh kelas beroperasi.

Selain itu, pembelajaran secara *online* menjadikan satu keunikan pusat pengajian ini. Bagi yang tidak berkesempatan menghadiri kelas-kelas, masyarakat boleh menonton secara *live* di laman sosial *facebook*. Dengan kemudahan tersebut ia membawa manfaat dan faedah yang besar kepada pihak awam secara tidak langsung menarik minat mereka untuk mempelajari hadis secara lebih mudah.

Di samping itu, kesemua kelas-kelas yang diadakan secara mingguan telah dijadualkan melalui media sosial *facebook* dan *group whatsapp* iaitu (Ahbab TC) sebagai medium hebahan kelas. Ketika kelas sedang berlangsung, pihak koordinator iaitu En. Mohammad Izzat mengawal sistem teknikal bagi memudahkan orang yang tidak sempat hadiri kelas juga dapat mengikuti pengajian. Usaha ini adalah bagi memperluaskan ilmu hadis itu difahami semua lapisan masyarakat awam sekitar bahkan warga maya sekalipun.

Silibus pengajian di Tirmidhi Centre adalah dilaksanakan secara mingguan dan bulanan serta kelas khusus. Kelas pengajian daurah juga turut dianjurkan setiap bulan bagi memberikan pengenalan kepada mukadimah kitab. Para tenaga pengajar bagi kelas pengajian daurah adalah dijemput dari kalangan tempatan dan antarabangsa. Berikut dinyatakan jadual lengkap kelas pengajian di Tirmidhi Centre.

Jadual 1.1 Kelas Pengajian di Tirmidhi Centre

Nama Kitab	Tarikh	Masa	Tenaga Pengajar
<i>Arba'un Nawawi</i>	Setiap jumaat	9.00 malam-10.30 malam	Ustaz Adlan Abd Aziz
<i>Al-Adab Al-Mufrad</i>	Hari Isnin Kedua,Ketiga dan Keempat	9.00 Malam- 10.30 Malam	Ustaz Adlan Abd Aziz
<i>Nurul Uyun Fi al-Talkhis Sirah al-Amin al-Ma'mun</i>	Setiap Sabtu	Selepas Maghrib	Ustaz Fakhru Razi
<i>Syamail Muhammadiyah</i>	Setiap Ahad Minggu	9.00 Malam-	Ustaz Adlan Abd Aziz
<i>Sunan Tirmidhi</i>	Kedua dan Keempat	10.30 Malam	
<i>Misykat al-Masobih</i>	Setiap Sabtu Minggu Keempat	9.00 Pagi-11.00 Pagi	Maulana Ihsan Abu Bakar
<i>Tafsir Ibn Kathir Juz 30</i>	Setiap Selasa	3.00 Petang- 4.00 Petang	Ustaz Adlan Abd Aziz

Sumber Muhammad Mustaqim (2019)

### **3.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Pengijazahan sanad kitab-kitab hadis yang dipelajari di Tirmidhi Centre merupakan satu kegiatan yang jarang diaplikasikan pada masa kini. Pendekatan ini hanya mampu diaktifkan oleh para ilmuwan yang memiliki paradigma pemikiran yang menghargai salasilah sanad keilmuan dunia Islam yang sebenarnya masih malar hijau serta mampu dilestarikan dalam kalangan komunitinya. Justeru, kajian perlu mendedahkan pendekatan ini dan salasilah sanad berkaitan dalam kontek perlaksanaan di Tirmidhi Centre. Ia masih penting kerana *ijazah* sanad kitab merupakan antara tradisi keilmuan Islam yang mendekatkan ikatan ilmu dengan sumber kedua syariat iaitu hadis menerusi kepatuhan terhadap mekanisme riwayat menurut disiplin asal pengajian hadis.

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif daripada jenis kajian kes. Jenis kajian adalah kombinasi antara kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Instrumen pengumpulan data dilakukan menerusi temubual dan analisis dokumen kutipan lapangan. Penganalisisan data adalah menerusi metode deskriptif. Persampelan kajian adalah bertujuan. Ia melibatkan pengasas Tirmidhi Centre yang merupakan partisipan utama dalam melaksanakan pendekatan pengijazahan sanad kitab. Kajian hanya dibataskan kepada pengijazahan kitab *al-Arba'in al-Nawawi* sahaja.

### **5.0 DAPATAN**

Perbincangan berikut menghuraikan dapatan kajian. Ia terdiri daripada pendedahan sijil pengijazahan kitab *al-Arba'in al-Nawawi* Tirmidhi Centre, jadual salasilah sanad kitab *al-Arba'in al-Nawawi* Tirmidhi Centre, profil *al-mujiz* (pemberi *ijazah*) kitab *al-Arba'in al-Nawawi* Tirmidhi Centre: Ustaz Adlan Abd. Aziz, profil guru *ijazah* kitab *al-Arba'in al-Nawawi* Ustaz Adlan Abd. Aziz: Syeikh Muhammad Awad al-Manqush dan biografi sebahagian perawi sanad kitab *al-Arba'in al-Nawawi* Tirmidhi Centre.

### **5.1 SIJIL PENGIJAZAHAN KITAB AL-ARBA'IN AL-NAWAWI TIRMIDHI CENTRE**

Tirmidhi Centre ada menganugerahkan sijil yang mendokumentasikan salasilah sanad kitab *al-Arba'in al-Nawawi* sebagaimana gambar berikut.



Gambar A: SIJIL PENGIJAZAHAN KITAB AL-ARBA'IN AL-NAWAWI TIRMIDHI CENTRE

## 5.2 JADUAL SALASILAH SANAD KITAB AL-ARBA'IN AL-NAWAWI TIRMIDHI CENTRE

Dokumen berdasarkan gambar A menunjukkan terdapat 18 orang perawi yang meriwayatkan salasilah sanad kitab *al-Arba'in al-Nawawi*. Salasilah sanad ini dimiliki oleh Ustaz Adlan bin Abd. Aziz yang juga merupakan pengasas Tirmidhi Centre. Beliau meriwayatkan sanad kitab ini daripada guru beliau yang bernama Syeikh Muhammad Awadh al-Manqush. Salasilah sanad ini bertalian sambung menyambung sehingga sampai kepada Imam Nawawi iaitu pengarang asal kitab *al-Arba'in al-Nawawi*. Salasilah sanad lengkap dapat dirujuk dalam jadual 1.1.

Jadual 1.2 Salasilah Sanad Kitab *al-Arba 'in al-Nawawi* Tirmidhi Centre

BIL	NAMA PERAWI
1	<b>Adlan Bin Abd Aziz</b>
2	<b>Syeikh Muhammad Awadh al-Manqush</b>
3	Syeikh Abd. Wakil Bin Abd. Haq al-Hashimi
4	Syeikh Abd Haq al-Hashimi
5	Syeikh Abd Haq al-Hashimi
6	Syeikh Shah Abd Aziz Bin Waliyullah ad-Dihlawi
7	<b>Ayahnya (Syeikh Waliyullah al-Dihlawi)</b>
8	Syeikh Abu Tahir al-Kurani,
9	Syeikh al-Burhan al-Kurani
10	Syeikh as-Syams al-Babili
11	<b>Syeikh Salim Bin Muhammad as-Sanhuri</b>
12	Syeikh an-Najm al-Ghaiti
13	Syeikh Zakariyya al-Ansori
14	Syeikh Abu Ishaq as-Suyuti
15	Syeikh Abdullah ar-Raffa'
16	Syeikh Abu Rabi' al-Ghazi
17	Syeikh Abu Hasan Ali al-Attor
18	<b>al-Imam Yahya Bin Syaraf an-Nawawi.</b>

Sumber Muhammad Mustaqim (2019)

### 5.3 PROFIL *AL-MUJIZ* (PEMBERI IJAZAH) KITAB *AL-ARBA 'IN AL-NAWAWI* TIRMIDHI CENTRE: USTAZ ADLAN ABDUL AZIZ

Dokumen berdasarkan gambar A menunjukkan *al-mujiz* iaitu pemberi *ijazah* kitab *al-Arba 'in al-Nawawi* di Tirmidhi Centre adalah dilakukan oleh Ustaz Adlan Abdul Aziz. Beliau dilahirkan di Kuala Lumpur dan sedang menetap di Kajang. Kini beliau sedang menyandang jawatan sebagai guru di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Di antara hasil penulisan beliau adalah karya berjudul *1-20 Persoalan Asas Tentang Hadis, Zikir dan Doa Rasulullah s.a.w. selepas solat, Ramadhan dan Rasulullah s.a.w., Kamus PMR Bahasa Arab, 10 Tonggak Remaja Hebat* dan lain-lain.

Ustaz Adlan Abdul Aziz memulakan pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Mat Saman dan seterusnya peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah. Kemudian beliau menyambung peringkat lebih tinggi iaitu di Universiti al-Bayt, Jordan dalam jurusan Sarjana Muda Bahasa Arab. Semasa tempoh pengajian di Jordan tersebut, beliau turut berkesempatan menuntut kitab-kitab ilmu agama secara *talaqqi* daripada 14 orang ilmuwan Jordan. Jadual 1.3 berikut memperincikan nama-nama ilmuwan merangkap guru-guru beliau dan kitab-kitab yang ditalaqqikan tersebut.

Jadual 1.3 Guru dan Kitab *Talaqqi* Ustaz Adlan Abdul Aziz di Jordan

<b>BIL.</b>	<b>NAMA GURU TALAQQI</b>	<b>NAMA KITAB</b>
1	Syeikh Syuaib al-Arnaout	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Tafsir al-Qurtubi,</i></li> <li>• <i>Subul al-Salam</i> (Hadis hukum),</li> <li>• <i>al-Kamil Fi al-Adab</i> (Bahasa Arab)</li> <li>• <i>Nuzhat al-Nazar</i> (Mustolah al-Hadis)</li> </ul>
2	Dr.Solah Abd. Fattah al-Khalidi -	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Tafsir Ibn Kathir</i></li> <li>• <i>Sahih Muslim.</i></li> </ul>
3	Dr.Abd.Qadir al-Sa'di	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Qatru al-Nada</i> (Nahu)</li> <li>• <i>Al-Iqna'</i> (Fiqh)</li> </ul>
4	Dr.Abd.Sami' al-Anis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Risalat al-Mustarsyidin</i> (Tasawuf)</li> </ul>
5	Dr. Muhammad Nuh al-Qudhat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>al-Waraqat</i> (Usul Fiqh).</li> </ul>
6	Dr. Abd. Hakim al-Sa'di	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Usul Fiqh.</i></li> </ul>
7	Dr. Syarif al-Khatib	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Tahdzib Madarij al-Salikin</i> (Tasawwuf).</li> </ul>
8	Dr. Bahjat al-Habasyinah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>al-Nihayah Fi al-Fitan</i></li> </ul>
9	Dr. Yasin al-Qarawilah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Qawa'id Fiqhiyyah</i> (Kaedah Fiqh).</li> </ul>
10	Dr. Qahtan al-Duri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Usul al-Din al-Islami</i> (Aqidah)</li> <li>• <i>Safwat al-Ahkam</i> (Hadis hukum)</li> <li>• <i>al-Mawahib al-Ladunniyyah</i> (Sirah).</li> </ul>
11	Dr. Nimr al-Hasyasyinah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Matn Abi Syuja'</i> (Fiqh).</li> </ul>
12	Dr. Hasib al-Samarrai'	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Tafsir al-Samarqandi.</i></li> </ul>
13	Dr. Abd.Rahim Abu Zaqqah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mukhtasor al-Bukhari,</i></li> </ul>
14	Dr. Mahmud al-Syudaifat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>al-Ajwibah al-Fadhilah</i> (<i>Mustalah al-Hadith</i>).</li> </ul>

Sumber Muhammad Mustaqim (2019)

Selepas menamatkan pengajian di Jordan dan berlanjutan sehingga kini, Ustaz Adlan Abdul Aziz masih berterusan menuntut ilmu secara *talaqqi* dengan ilmuwan kontemporari yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Jadual 1.4 berikut memperincikan nama-nama ilmuwan merangkap guru-guru beliau serta kita-kitab yang terlibat dalam proses *talaqqi* daripada semasa ke semasa.

Jadual 1.4 Guru dan Kitab *Talaqqi* Ustaz Adlan Abdul Aziz dari semasa ke semasa

BIL	NAMA GURU TALAQQI	NAMA KITAB
1	Ustaz Muhammad Anwaruddin Bin Abd. Wahab	• Kitab-kitab Hadis secara khusus
2	Syeikh Muhammad Awadh al-Manqush al-Libiy al-Azhari	• <i>Sunan Tirmidzi</i> • <i>Sunan Ibnu Majah</i> • <i>Sunan Nasa'i</i> • <i>Bulughul Maram</i> • <i>Manzumah Baiquniyyah</i> • <i>Aqidah Tohawiyyah</i> • <i>Sahih Muslim</i> • dan lain-lain.
3	Syeikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati	• Hadis-hadis <i>Musalsal</i>
4	Dr.Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadi	• <i>Arbain Azhariyyah</i>
5	Dr. Abdullah Bin Soleh al-Ubaid	-tidak dinyatakan nama kitab-
6	Dr. Najm Abd. Rahman Khalaf	-tidak dinyatakan nama kitab-
7	Syeikh Hasan Haidar al-Waili	-tidak dinyatakan nama kitab-
8	Syeikh Said al-Kamali	-tidak dinyatakan nama kitab-
9	Syeikh Wan Izzuddin Fatoni Pondok Gajah Mati	-tidak dinyatakan nama kitab-
10	Dr. Mustofa al-Bugho	-tidak dinyatakan nama kitab-
11	Dr. Mustofa an-Nadawi	-tidak dinyatakan nama kitab-
12	Dr. Ali al-Qaradaghi	-tidak dinyatakan nama kitab-
13	Syeikh Nizam Ya'qubi	-tidak dinyatakan nama kitab-

Sumber Muhammad Mustaqim (2019)

#### 5.4 PROFIL GURU IJAZAH KITAB AL-ARBA'IN AL-NAWAWI USTAZ ADLAN ABD. AZIZ: SYEIKH MUHAMMAD 'AWAD AL-MANQUSH

Syeikh Muhammad 'Awad al-Manqush merupakan guru yang menjadi sumber ambilan *ijazah* sanad kitab *al-Arba'in al-Nawawi* oleh Ustaz Adlan bin Abdul Aziz. Syeikh Muhammad 'Awad al-Manqush adalah seorang ulama' hadis kelahiran Libya yang menetap di Mesir. Beliau seringkali melazimi majlis pengajian bekas mufti Mesir iaitu Syeikh Dr. Ali Jum'ah. Beliau kemudiannya turut melazimi majlis Syeikh Muhammad Zaki Ibrahim iaitu antara ilmuwan handalan Mesir. Seterusnya beliau juga berguru dengan ilmuwan Mesir yang lain iaitu Sayyidi As-Syarif Yusuf Al-Hasani.

Di antara sebahagian besar sumbangan beliau dalam karya penulisan kitab adalah sentuhan ulasan beliau terhadap kitab *al-Muqizah* karangan Imam Az-Zahabi (dalam *ulum hadith*), sebahagian kitab *Sahih Al-Bukhari* (ilmu hadis) beserta penjelasan terhadap 11

manhaj Imam al-Bukhari dalam penyusunan kitab *Sahihnya* dan *Matan al-Aqidah al-Tahawiyah* karangan Imam At-Tahawi (ilmu tauhid).

## 5.5 BIOGRAFI SEBAHAGIAN PERAWI SANAD KITAB *ARBA'IN NAWAWI TIR MIDHI CENTRE*

Berikut diperkenalkan 12 orang perawi (termasuk pengarang asal kitab) yang menjadi sebahagian besar mata rantai salasilah sanad kitab *al-Arba'in al-Nawawi* menerusi jalur periwayatan Ustaz Adlan bin Abdul Aziz yang disandarkan menerusi periwayatan gurunya; Syeikh Muhammad 'Awad al-Manqush (Muhammad Mustaqim, 2019).

- a) **Waliyullah Ad-Dihlawi**, Syeikh al-Islam al-Imam al-Mujtahid Waliyullah bin Abdul Rahim bin Wajihuddin al-Umari al-Dihlawi. Nasab beliau bersambung hingga ke Imam Musa al-Kazim. Beliau dilahirkan pada 14 Syawal 1114H/2 Mac 1703M. Pada tahun 1143H, beliau pergi ke Haramain untuk melaksanakan haji sekaligus belajar dengan para ulama Hijaz. Antara yang beliau jumpai ialah Muhammad bin Ibrahim al-Kurdi al-Madani, Wafdullah al-Maliki al-Makki, Ibrahim bin Hasan al-Madani dan ramai lagi. Syeikh Waliyullah terkenal sangat pakar dalam pelbagai bidang ilmu seperti tafsir, hadis, tasawuf, hikmah, mantiq dan lain-lain. Antara buku-buku karangannya ialah *Ta'wil al-Ahadith*, *al-Fauz al-Kabir fi Usul al-Tafsir* dan banyak lagi. Beliau wafat pada bulan Muharram 1176H/1762M dalam usia 62 tahun. Jenazahnya di makamkan di Delhi.
- b) **Abu Al-Tahir Al-Kurani**, *Musnid* Madinah *al-Allamah al-Muhaddith* Abu al-Tahir Muhammad bin Ibrahim bin Hasan bin Syihabuddin al-Kurdi al-Syahrazuri al-Madani. Beliau dilahirkan pada tahun 1081H. Keilmuannya dalam hadis dan *mustalah* diiktiraf oleh para ulama. Beliau meriwayatkan daripada ayahnya, juga daripada para ulama besar seperti Hasan bin 'Ali al-'Ujaymi, Muhammad bin 'Abdul Rasul al-Barzanji, Sayyid Ahmad al-Idrisi dan ramai lagi. Syeikh Abu al-Tahir sering menulis kitab dengan tangannya sendiri. Buku-buku yang beliau tulis melebihi 70 jilid. Beliau wafat pada 4 Ramadan 1145H/19 Februari 1733M.
- c) **Al-Burham Al-Kurani**, *Al Imam al-'Allamah al-Musnid* Burhanuddin Abu al-Waqt Ibrahim bin Hasan al-Kurdi al-Kurani al-Madani al-Naqsyabandi. Beliau adalah ayah Abu al-Tahir yang disebutkan sebelum ini. Beliau dilahirkan pada bulan syawal tahun 1025H di Syahrazur, Iraaq. Kecintaannya kepada ilmu membawa dirinya ke Madinah lalu menetap di kota ini. Antara guru-gurunya ialah Ahmad bin Muhammad al-Qusyasyi, Ahmad bin Ali al-Syan'awi, Mulla Syarif bin Yusuf al-Kurani, al-Hafiz Najmuddin al-Ghazzi, Muhammad bin 'Ala'uddin al-Babili, Abdul Baqi al-Hanbali dan ramai lagi. Beliau mengajar di masjid Nabawi dan menjadi tumpuan para pelajar dari seluruh dunia. Buku-buku karangan beliau meliputi ilmu nahwu, bahasa Arab, Usul al-Fiqh, hadis, akidah, tasawuf dan lain-lain. Beliau wafat pada hari rabu 18 Rabiul Thani 1101H/29 Januari 1690M.

- d) **Al-Syams Al-Babili**, beliau adalah al-Hafiz Syamsuddin Abu Abdillah Muhammad bin 'Ala'uddin al-Babili al-Qahiri al-Azhari al-Syafi'i. Beliau dilahirkan di desa Babil di Mesir pada tahun 1000H. Apabila berusia 4 tahun, ayahnya membawa beliau ke Kaherah untuk meminta doa dari seorang ahli fiqh mazhab Syafi'i iaitu Imam Syihabuddin al-Ramli. Beliau belajar daripada para ulama Mesir seperti 'Abdul Ra'uf al-Munawi, Burhan al-Laqqani, Salim al-Sanhuri, dan ramai lagi. Tokoh ini selanjutnya terkenal sebagai tokoh ulama yang zuhud dan warak, sekaligus pakar dalam pelbagai ilmu. Di zamannya beliau merupakan orang yang paling rajin hafal *matan* hadis dan nama-nama perawi. Beliau wafat pada hari Selasa 25 Jamadil Awal 1077H/7 Februari 1666M serta dikebumikan di Kaherah, Mesir.
- e) **Salim Bin Muhammad Al-Sanhuri**, *al-Syeikh al-Faqih al-Muhaddith al-'Allamah Abu al-Naja'* Salim bin Muhammad al-Sanhuri, Mufti mazhab Maliki di Mesir. Muhammad Amin al-Hamawi berkata : "*Ulama terbesar pada masanya tanpa bantahan*". Beliau berguru dengan ramai ulama antaranya ialah *al-Musnid* Najmuddin al-Ghayti dan Muhammad al-Nawfari al-Maliki. Beliau selanjutnya menjadi tumpuan para pelajar daripada Mesir, Syam dan Haramain. Beliau menulis banyak buku berkaitan dengan fiqh Maliki. Beliau meninggal dunia pada hari Selasa 3 Jamadil Akhir 1015H/7 Ogos 1606M dalam usia lebih kurang 70 tahun.
- f) **Najm Al-Ghayti**, *al-Hafiz al-Musnid* Najmuddin Abu al-Mawahib Muhammad bin Ahmad bin 'Ali al-Iskandari al-Ghayti al-Syafi'i. Beliau menerima *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud* dan tarekat tasawuf daripada Syeikh al-Islam Zakariyya al-Ansari. Beliau turut menimba ilmu daripada 'Abdul Haq al-Sanbati, Kamaluddin bin Hamzah al-Dimasyqi, Aminuddin bin al-Najjar, dan lain-lain. Setelah itu, beliau dikenali sebagai ulama handalan dalam bidang hadis, tafsir dan tasawuf pada zamannya. Tiada yang membenci beliau melainkan munafik. Imam al-Sya'rawi berkata : "*Aku tidak pernah melihat beliau mengumpat walau satu kalimat pun.*" Beliau wafat pada tahun 983H/1575M.
- g) **Zakariyya Al-Ansari**, Syeikh al-Islam dan Mujaddid abad ke-10 hijrah, *al-Faqih al-Musnid* Zaynuddin Abu Yahya Zakariyya bin Muhammad bin Zakariyya al-Ansari al-Syafi'i. Beliau dilahirkan pada tahun 823H di Sunaykah, Mesir. Guru-guru beliau adalah para imam dan ulama Mesir terkemuka pada zaman itu seperti al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani, Ridwan al-Uqbi, Salih bin Sirajuddin al-Bulqini dan ramai lagi. Beliau turut menerima *ijazah* tarikat daripada tokoh-tokoh tasawuf. Kepakaran beliau dalam pelbagai bidang ilmu terserlah menerusi karya-karya terkenal yang beliau tulis. Allah SWT turut memberinya umur yang panjang sehingga dapat memiliki banyak murid dari pelbagai negara. Antara mereka ialah Abdul Wahhab al-Sya'rani, Syihabuddin al-Ramli dan Ibn Hajar al-Haytami. Beliau wafat pada 5 Jamadil Akhir 927H/12 Mei 1251M. Jenazah beliau dimakamkan di sebelah kubur Imam al-Syafi'i di Qurafah, Mesir.

- h) **Abu Ishaq Al-Syuruti**, *al-Musnid* al-Syeikh Burhanuddin Abu Ishaq Ibrahim bin Sadaqah al-Salihi al-Hanbali al-Qahiri. Beliau dilahirkan pada tahun 772H di Kaherah. Antara guru-guru beliau dalam bidang hadis ialah al-Hafiz Ibn al-Mulaqqin, al-Hafiz al-'Iraqi, Ibn al-Raffa', Ibn Khaldun, dan ramai lagi. Beliau wafat pada hari Ahad 16 Jamadil Akhir 852H/16 Ogos 1448M.
- i) **Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al-Raffa'**, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad bin 'Ali bin 'Abdul Rahman al-Raffa'. Beliau berasal dari Hijaz lalu menetap di Mesir. Beliau dilahirkan kira-kira pada tahun 721H. Guru-guru beliau dalam bidang hadis antaranya ialah al-Dallasi, al-Maydumi dan al-Qalanisi. Bagaimanapun, guru yang paling rapat dengan beliau adalah Imam 'Izzudin Ibn Jama'ah. Ibn Hajar berkata : "*Beliau sangat pendiam, sering menyendiri dan suka menetap di tanah suci*". Wafat beliau pada 7 Jamadil Awal 792H bersamaan dengan 23 April 1390M.
- j) **Al-'Alam Abu Al-Rabi' Sulayman bin Salim Al-Ghazzi**, beliau dilahirkan kira-kira pada tahun 690H. Guru-gurunya dalam riwayat ialah Taqiyudin Sulaiman, 'Ali bin Muhammad bin Harun al-Tha'labi, Zainab binti Syukr, Sit al-Wuzara' dan ramai lagi. Imam Ibn Hajar berkata : "*Beliau menghafal kitab al-Minhaj, menuntut ilmu hadis lalu mahir dalam pelbagai ilmu. Beliau mengajar, berfatwa dan menjawat qadi di Gaza dan Khalil.*" Beliau wafat di kot Khalil (Palestin) pada bulan Syawal 764H/16 Julai 1363M.
- k) **Abu Al-Hasan 'Ali bin Ibrahim bin Dawud Al-'Attar**, Syeikh Darul Hadis al-Nuriyyah, Imam Alauddin Abu al-Hasan 'Ali bin al-Muwaffaq al-'Attar al-Dimasyqi al-Syafi'i. Beliau dilahirkan pada hari raya Aidil Fitri pada tahun 654H dari seorang ayah yang menjual minyak wangi ('attar). Selepas itu, tokoh ini terkenal sebagai murid kanan dan orang yang paling rapat dengan Imam al-Nawawi. Al-Hafiz Ibn Kathir berkata : "*Beliau belajar dan mendampingi Imam al-Nawawi sehingga beliau digelar Mukhtasar (ringkasan) al-Nawawi.*" Selain itu, beliau turut belajar daripada para ulama di pelbagai negeri seperti Ibn Malik (penulis *Alfiyyah*), Ibn Faris (pakar Bahasa Arab), dan ramai lagi. Imam al-Dhahabi (saudara susuan beliau) berkata : "*Aku banyak mengambil manfaat daripadanya. Beliau turut sangat baik kepadaku dengan memintakan ijazah daripada ulama-ulama besar untukku.*" Ibn al-Attar wafat pada awal Zulhijjah 724H bersamaan dengan 19 November 1324M.
- l) **Imam Al-Nawawi**, Imam al-Hafiz dan penghulu ulama mazhab Syafi'i di Damsyiq : Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawi. Beliau digelar *Muhyiddin* (penghidup agama) dan *Muhyi al-Sunnah* (penghidup sunnah). Sejak kecil, Imam al-Nawawi tidak seperti anak-anak yang lain. Beliau tidak suka bermain, malah lebih suka membaca al-Quran. Apabila usia 19 tahun, al-Nawawi dibawa oleh ayahnya ke Damsyiq untuk menuntut ilmu. Beliau menghadiri dua belas pelajaran

setiap hari daripada guru-guru yang berbeza. Kerana kejernihan hatinya, al-Nawawi berkemampuan menghafal kitab-kitab penting dalam masa yang singkat. Semasa belajar, Imam al-Nawawi tidak menerima pemberian daripada siapapun. Beliau hanya makan dari bekalan yang dibawakan ayahnya setiap minggu. Nama Imam al-Nawawi selanjutnya makin masyhur sebagai seorang ulama yang alim sekaligus gigih mempertahankan sunnah. Beliau mengajar dan berdakwah dengan ikhlas dan tidak mengharapkan habuan dunia. Jika diberi sekalipun beliau selalu menolaknya. Imam al-Nawawi mengarang banyak buku yang masih terkenal hingga hari ini. Antara buku-buku beliau adalah :*Minhaj al-Talibin* (fiqh), *al-Majmu' Syarh al-Muhadhab* (fiqh), *al-Tibyan fi Adab Hamalat al-Qur'an* (Ilmu al-Qur'an), *Riyad al-Salihin* (hadis) dan banyak lagi buku hasil karangan beliau. Imam al-Nawai wafat selepas pulang berziarah ke Baitul Maqdis dan mengembalikan semua buku-buku pinjaman. Beliau meninggal dunia di Nawa pada 24 Rejab 676 H dalam usia 45 tahun lalu dimakamkan di negeri tersebut.

## 6.0 KESIMPULAN

Kegiatan pengijazahan sanad kitab merupakan tradisi pengajian ilmu-ilmu agama yang masih ingin dilestarikan oleh Tirmidhi Centre. Ia berdasarkan keprihatinan pengasas Tirmidhi Centre serta dipengaruhi latar belakang sistem pengambilan ilmu beliau yang lebih menjurus kepada pendekatan *talaqqi* dan *bersanad*.

Justeru usaha Tirmidhi Centre secara tidak langsung adalah meneruskan kelangsungan untuk menghargai dan mengiktiraf tradisi aplikasi sanad kitab menerusi mekanisme *ijazah* pada masa kini. Ledakan teknologi maklumat dan komunikasi tidak menghalang Tirmidhi Centre mengekalkan tradisi terbabit.

Salasilah tersebut pula istimewa dalam konteks mendekatkan warga ilmu dengan sumber mutlak hadis iaitu Rasulullah ﷺ menerusi ikatan pertalian sanad berperantaraan pengarang asal kitab-kitab turath hadis seumpama *al-Arba'in al-Nawawi*. Nilai yang tersirat dalam salasilah tersebut adalah pada tahap meraih keberkatan mendekati dan mencintai ulama selaku pewaris ilmu para Nabi RA.

## 7.0 RUJUKAN

Temubual bersama Ustaz Adlan Abd Aziz. Presiden Tirmidhi Centre Seri Kembangan, Selangor pada 13 Januari 2019. Jam 11.30 Pagi.

[www.facebook.com/search/TirmidhiCentre.com](http://www.facebook.com/search/TirmidhiCentre.com)

Mohamad Mustaqim bin Mohd. Noh. 2019. Pengajian Kitab Hadis Bersanad di Tirmidhi Centre, Seri Kembangan, Selangor. Latihan Ilmiah Sarjana Muda al-Quran dan al- Sunnah dengan Komunikasi, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.